

# Siasat terperinci kes NFCorp

## Peguam Negara belum puas hati

Oleh Nor Azizah Mokhtar

[norazizah@bharian.com.my](mailto:norazizah@bharian.com.my)

**K**UALA LUMPUR: Bukit Aman akur dengan arahan Peguam Negara supaya menjalankan siasatan lebih mendalam berhubung Perbadanan Fidlot Nasional (NFCorp) selepas lebih tiga kali kertas siasatannya dikembalikan kepada polis untuk siasatan semula.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Khalid Abu Bakar, berkata pihaknya tidak mempunyai pilihan lain selain akur dengan arahan Peguam Negara dan siasatan lebih terperinci akan dijalankan untuk melengkapkan siasatan.

"Selepas siasatan selesai, kita akan hantar semula kertas siasatan kepada Peguam Negara dan kita tungguhlah keputusan beliau seterusnya sama ada kes ini akan dibawa ke mahkamah atau sebaliknya," katanya pada sidang media selepas menghadiri Majlis Penutup Program Diploma Sains Siasatan


sesi 2010/2011 di Maktab Polis Di-raja Malaysia (PDRM) Cheras di sini, semalam.

Pada majlis itu, 38 graduan merima sijil masing-masing yang disampaikan Khalid. Ketua Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Cheras, Deputi Superintendant Ruslan Ibrahim diumumkan peserta terbaik program dengan mata purata nilai gred kumulatif (CGPA) 3.74.

Difahamkan, Peguam Negara sudah mengembalikan kertas siasatan NFCorp sekurang-kurang tiga kali selepas polis menyiapkan siasatan mereka.

Baru-baru ini, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Datuk Syed Ismail Syed Azizan, berkata polis dalam kertas siasatan mereka mencadangkan Pengerusi Eksekutif NFCorp, Datuk Dr Mohamed Salleh Ismail didakwa bagi kesalahan pecah amanah mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan.

Dr Mohamed Salleh adalah suami Menteri Pembangunan Wanita, Ke-



**Khalid Abu Bakar**

Iuarga dan Masyarakat, Datuk Seri Sharizat Abdul Jalil.

Sementara itu, mengulas kekecohkan ketika Perhimpunan Hijau 2.0 di Pulau Pinang, Ahad lalu sehingga menyebabkan seorang wartawan dan jurugambar sebuah akhbar berbahasa Cina cedera, Khalid berkata polis sedang menjalankan siasatan terperinci mengenai kejadian itu.

"Kita akan meneliti segala aspek insiden itu selain menyiasat tuduhan segelintir pihak mengatakan polis tidak mengambil tindakan untuk menangani kekecohkan yang berlaku," katanya.

Beliau berkata, polis juga akan memanggil pengangur dan pihak yang terbabit dalam perhimpunan untuk merekod keterangan mereka bagi mengenal pasti siapakah individu yang bertanggungjawab mencetuskan kekecohkan.